

SAPSP ONLINE: PELAJAR SAPSP MENCIPTA HUBUNGAN SILAHTURAHIM DENGAN PENDUDUK KG. TOK KASSIM

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)

Thu 11/2/2017 3:07 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia



"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

PELAJAR SAPSP MENCIPTA HUBUNGAN SILAHTURAHIM DENGAN PENDUDUK KG. TOK KASSIM





SAPSP ONLINE: Pada 27 Oktober 2017, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) telah menganjurkan satu program peningkatan semangat kemasyarakatan, iaitu Seihklas Kasih Seindah Budi melalui kursus SSKC 3733 Kaunseling Komuniti dibawah naungan pensyarah, iaitu Dr. Zainudin bin Omar dengan kerjasama pelajar Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Bimbingan dan Kaunseling) dibawah Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden.

Program ini telah dirasmikan oleh ketua kampung Tok Kassim, iaitu Encik Zainnal bin Che Nik dan diikuti dengan ucapan daripada pengarah projek ini, iaitu Linggeswaran A/L Panirselvam.

Objektif program ini adalah mempraktikkan ilmu, nilai dan matlamat yang dipelajari dalam memenuhi keperluan dan tujuan bagi subjek Kaunseling Komuniti (SSKC 3733) yang mana ia adalah salah satu kursus yang menerapkan pembelajaran melalui perkhidmatan (service learning), di samping ia dapat memupuk semangat kesukarelawanan di kalangan mahasiswa/i melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang program dilaksanakan, melahirkan mahasiswa/i yang seimbang dari segi pencapaian dalam bidang akademik dan sahsiah serta memberikan sumbangan kepada komuniti berhampiran dari segi tenaga dan mencari pengalaman yang berharga.

Program ini telah dimulakan dengan taklimat dan ucapan ringkas dari Ketua Kampung dan diteruskan dengan aktiviti gotong royong di beberapa rumah yang terpilih. Sebaik sahaja selesai aktiviti gotong royong diteruskan dengan aktiviti rawang bersama orang-orang Kampung Tok Kassim.

Program ini mendapat maklum balas dan sambutan yang baik daripada orang-orang kampung dan ketua kampung, contohnya **"Tahniah, kamu semua berjaya melakukan program ini dengan baik dan mencipta hubungan silahturahim dengan orang-orang kampung ini"** dalam ucapan penutup oleh ketua Kampung Tok Kassim. Program ini juga turut dihadiri oleh Ketua Jabatan SAPSP, iaitu Dr. Siti Rozaina binti Kamsani dan juga Mr. Brian Asner-Self dan keluarganya dari Illinois, USA yang mana ia telah memberi peluang kepada keluarga Mr. Brian untuk mempelajari kehidupan masyarakat kampung di Malaysia.

Sekian.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

MALAYSIA

Phone : +60 (4) 928 5717/5718

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.